

0096

U B711 BAH
MAHATHIR - UMNO

BUKIT MERTAJAM, 1 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA JENTERA PILIHAN RAYA UMNO MEMASTIKAN SENARAI NAMA ANGGOTA PARTI DI SETIAP KAWASAN PILIHAN RAYA TERCATAT DALAM SENARAI DAFTAR PEMILIH DI NEGERI MASING-MASING.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, NAMA-NAMA ANGGOTA PARTI DI SETIAP KAWASAN HENDAKLAH DIPASTIKAN ADA DALAM SENARAI DAFTAR PEMILIH SUPAYA KESEMUA ANGGOTA BOLEH MENGUNDI.

+NAMA-NAMA ANGGOTA UMNO PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN SERTA MEREKA YANG BERSIMPATI DENGAN UMNO HENDAKLAH DISEMAK DALAM SENARAI DAFTAR PEMILIH DAN JIKA TIADA, TINDAKAN SEGERA HENDAKLAH DILAKSANAKAN,+ KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PARA ANGGOTA UMNO NEGERI DI BANGUNAN UMNO PERMATANG PAUH, DEKAT SINI HARI INI.

WALAUPUN LANGKAH ITU MEMAKAN MASA, IA PERLU DILAKSANAKAN, KERANA SEMANGAT SAHAJA TIDAK MENCUKUPI BAGI ANGGOTA UMNO KALAU TIDAK DAPAT MENGUNDI EKORAN NAMA MEREKA TIDAK TERDAPAT DALAM SENARAI DAFTAR PEMILIH, KATA BELIAU.

BELIAU JUGA MENGGESA JENTERA-JENTERA PILIHAN RAYA UMNO DI SETIAP NEGERI MEMASTIKAN UMNO AKAN MENCAPAI KEMENANGAN DI KESEMUA KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN KEPADANYA. -- LAGI

1829MST 01 12 89

D112

U B727 BAH
MAHATHIR - UMNO 2 BUKIT MERTAJAM

MENGENAI PEMILIHAN CALON, BELIAU MENGINGATKAN ANGGOTA UMNO BAHAWA SOAL ITU TIDAK HARUS DIFIKIRKAN SANGAT, KERANA YANG PENTING IALAH MEMASTIKAN KEMENANGAN KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN BAGI MEMBERIKAN MAJORITI UNDI KEPADA UMNO MEMBENTUK KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBERI AMARAN KEPADA WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG TIDAK MENYERTAI PERBAHASAN SEMASA PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT ATAU DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KERAP KALI KEKURANGAN KUORUM.

BELIAU BERKATA, WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG SERING MENGISI KANTIN DI PARLIMEN ATAU +KEDAI KOPI+ SEMASA PERBAHASAN MUNGKIN TIDAK AKAN DIPILIH LAGI SEBAGAI CALON.

+MEREKA SEPATUTNYA BERADA DALAM DEWAN UNTUK MENYERTAI PERBAHASAN KERANA MEREKA ADALAH ORANG YANG DIPERCAYAI OLEH RAKYAT DAN OLEH ITU TIDAK SEHARUSNYA MENGHAMPAKAN HARAPAN RAKYAT,+ KATA BELIAU.

+SESIAPA SAHAJA YANG DIPILIH, JANGAN MENGHAMPAKAN RAKYAT KERANA PEMILIHAN MEREKA BUKAN HANYA UNTUK KESEDAPAN DIRI SAHAJA,+ KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA +JIKA MEREKA TIDAK MELAKSANAKAN TUGAS MAKA WAKIL RAKYAT BERKENAAN WAJARLAH DITUKARKAN.+ -- LAGI

1857MST 01 12 89

D116

U B730 BAH
MAHATHIR - UMNO 3 BUKIT MERTAJAM

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, KEDUDUKAN ORANG MELAYU TIDAK AKAN TERJAMIN DAN BERTAMBAH MAJU JIKA TIDAK KERANA UMNO, YANG MERUPAKAN PARTI YANG TERBESAR MENYATUKAN BANGSA MELAYU BERBANDING DENGAN PARTI PEMBANGKANG LAIN.

BELIAU BERKATA, TUDUHAN YANG DILEMPARKAN OLEH PAS DAN SEMANGAT 46 ADALAH BOHONG SAMATA-MATA DAN MENGGESA ANGGOTA UMNO BERSAMNA-SAMA MENANGKIS SEGALA TUDUHAN DAN FITNAH ITU.

SEBELUM ITU, NAIB PRESIDEN UMNO, ENCIK ANWAR IBRAHIM MEMBIDAS KENYATAAN PEMIMPIN SEMANGAT 46 YANG MENYOKONG SETIAUSAHA AGUNG DAP, ENCIK LIM KIT SIANG MENJADI KETUA MENTERI NEGERI INI.

SAMBIL BERKATA, PEMIMPIN BERKENAAN BUKAN MEWAKILI ORANG MELAYU PULAU PINANG BELIAU BERKATA, ORANG MELAYU PULAU PINANG TIDAK SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN PARTI YANG TIDAK MEMPERJUANGKAN HAK-HAK ORANG MELAYU.

YANG TURUT HADIR IALAH ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DAN EXCO KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA
1905MST 01 12 89